




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

13 MEI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 78 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 371,195 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 102 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 363,862 orang. Manakala 200 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 199 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah empat (4) orang merangkumi tiga (3) di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di open ward (HDW/kubikel akut) dan dua (2) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Papar bertukar dari zon kuning ke jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 21 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah dua (2) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Pertambahan jumlah jangkitan yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti sambutan perayaan mula menepati ramalan awal. Jumlah kes baharu bagi Sabah melonjak kepada 78 kes hari ini, 21 kes lebih tinggi daripada angka semalam dan pertambahan hampir 37%.
- b. Sebanyak 12 daerah mencatatkan pertambahan jangkitan baharu berbanding sembilan (9) daerah yang merekodkan penurunan kes. Kota Kinabalu dengan 21 kes (sama dengan angka semalam) dan Papar 16 kes (+12) merupakan dua (2) daerah di negeri ini yang mencatatkan jangkitan baharu dua (2) angka. Angka jangkitan harian di Kota Kinabalu dan daerah-daerah sekitar bandaraya di jangka kekal tinggi atau bertambah sehingga minggu pertama bulan Jun.
- c. Hari ini cuma sembilan (9) daerah tidak merekodkan sebarang kes jangkitan baharu dalam tempoh 24 jam yang lalu. Sebanyak 16 daerah mencatatkan kes baharu satu (1) angka dengan lima (5) daerah mencatatkan satu (1) kes baharu dan lima (5) daerah lain mencatat dua (2) kes baharu.
- d. Sebanyak 76 daripada 78 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dan dua (2) kes dalam Kategori 3. Tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 4 dan Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	10	12.82%
3	Bergejala	59	75.64%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	9	11.54%
JUMLAH		78	100%

b.Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 Mei 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 12/05/2022	Catatan Kes 13/05/2022	Perbandingan
1	Papar	4	16	+12
2	Pitas	0	4	+4
3	Beaufort	0	4	+4
4	Penampang	3	7	+4
5	Tongod	0	2	+2
6	Kinabatangan	0	2	+2
7	Putatan	2	4	+2
8	Nabawan	0	2	+2
3	Kunak	0	1	+1
10	Lahad Datu	1	2	+1
11	Semporna	0	1	+1
12	Kota Marudu	0	1	+1
13	Kota Kinabalu	21	21	Mendatar
14	Kudat	2	2	Mendatar
15	Keningau	1	1	Mendatar
16	Sandakan	4	4	Mendatar
17	Beluran	0	0	Mendatar
18	Kalabakan	0	0	Mendatar
19	Kota Belud	4	0	-4
20	Tambunan	2	0	-2
21	Sipitang	2	0	-2
22	Tawau	3	1	-2
23	Telupid	1	0	-1
24	Tenom	1	0	-1
25	Tuaran	4	3	-1
26	Ranau	1	0	-1
27	Kuala Penyu	1	0	-1
JUMLAH		57	78	+21

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	1	17	0	3	21	152
Papar	0	7	8	0	1	16	29
Penampang	0	0	7	0	0	7	47
Sandakan	0	0	4	0	0	4	34
Beaufort	0	0	3	0	1	4	9
Putatan	0	1	3	0	0	4	21
Pitas	0	0	4	0	0	4	6
Tuaran	0	0	3	0	0	3	24
Lahad Datu	0	0	2	0	0	2	17
Tongod	0	0	2	0	0	2	2
Nabawan	0	0	1	0	1	2	5
Kinabatangan	0	1	1	0	0	2	3
Kudat	0	0	1	0	1	2	9
Tawau	0	0	1	0	0	1	19
Keningau	0	0	0	0	1	1	6
Kota Marudu	0	0	1	0	0	1	6
Kunak	0	0	1	0	0	1	6
Semporna	0	0	0	0	1	1	9
Kota Belud	0	0	0	0	0	0	14
Ranau	0	0	0	0	0	0	13
Tenom	0	0	0	0	0	0	9
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	8
Sipitang	0	0	0	0	0	0	6
Beluran	0	0	0	0	0	0	3
Telupid	0	0	0	0	0	0	5
Tambunan	0	0	0	0	0	0	11
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	0	10	59	0	9	78	474

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,191 unit.

- Hospital 1,163 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 16.79%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 MEI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	77
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	78

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Perak	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	77
Bukan Malaysia	1
Jumlah	78

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	5
Belum Menerima Vaksin (5-11)	5
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	3
Menerima 1 Dos	1
Lengkap 2 Dos	29
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	35
Jumlah	78

iii. Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1-4	4
5 -11	6
12-17	5
18-29	20
30-39	15
40-49	13
50-59	8
60-69	4
70-79	1
80-89	1
>90	0
Jumlah	78

C PROTOKOL PENGOPERASIAN PUB DAN KELAB MALAM BERLESEN

1 Kelab Malam dan Karaoke dibenarkan beroperasi mulai 14 Mei 2022, tertakluk kepada syarat:

- i Tari menari tidak dibenarkan buat masa ini.
- ii Mereka yang memasuki Kelab Malam dan Karaoke hendaklah telah lengkap divaksin dan telah menerima dos penggalak, dan
- iii Pemeriksaan mengenai tahap risiko dan imbasan MySejahtera adalah diwajibkan sebelum memasuki kelab malam atau karaoke.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 12 Mei 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 2,721 orang. Daripada jumlah ini, seramai 355 orang adalah penduduk dewasa, 133 orang adalah penduduk remaja dan 2,233 orang adalah penduduk kanak-kanak.

- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 12 Mei 2022 adalah seramai 2,593,029 orang. Ini meliputi 2,135,109 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.59% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,474,376 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,067 orang atau 77.01% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,732 orang atau 78.77% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 319,945 atau 75.07% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 122,188 atau 29.70% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 62,364 atau 15.16% orang.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II